



ISI KANDUNGAN

P R A K A T A

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Johor **4**
Yang Berhormat Datuk Bandar Pasir Gudang **5**

01 PENGENALAN

Aspirasi Kerajaan Negeri Johor **9**
Simbolik Dynamic Pasir Gudang **10**



02

LATAR BELAKANG ORGANISASI



Struktur Pentadbiran **12**
Peta Kawasan Pentadbiran **14**
Carta Organisasi **15**
Fungsi Dan Peranan **16**
Pihak Berkepentingan Dan Pelanggan **17**
Punca Kuasa **18**



03

PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK 2015-2020

Kajian Impak Pelan Strategik MPPG 2015-2020 **22**
Asas Kajian Dan Dapatan Kajian **22**
Rumusan Dapatan Kajian Impak **23**
Cabaran Dan Jurang Pencapaian Teras Strategik **24**





04 HALA TUJU PELAN STRATEGIK

Analisa Persekutaran **26**

Visi dan Misi **27**

Nilai-nilai Bersama **32**



05 PELAN STRATEGIK 2021-2025

Manifesto Revolusi Bandar Raya Pasir Gudang **34**
Teras Strategik **39**





PERUTUSAN

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Segala puji dan syukur dipanjangkan ke hadrat Allah SWT kerana atas keizinan-Nya jua, saya diberikan kesempatan dan ruang untuk menitipkan sepatah dua kata aluan untuk buku Pelan Strategik Majlis Bandaraya Pasir Gudang 2021-2025. Sudah menjadi amalan sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk sentiasa mengkaji, menambah baik dan menyusun keutamaan keperluan perancangan perbandaran dalam kesemua aspek. Perancangan terperinci ini perlu direkod serta diterjemah dalam bentuk penerbitan Pelan Strategik dan dipantau daya capainya.

Sekalung ucapan tahniah dan syabas kepada Datuk Bandar Pasir Gudang dan seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) di atas usaha yang telah digembeleng bagi menghasilkan Pelan Strategik MBPG 2021-2025 ini. Tempoh tahun 2021 hingga 2025 merupakan fasa peralihan kritikal memandangkan Pasir Gudang baru saja dinaik taraf kepada bandar raya pada 22 November 2020 yang lalu. Maka, sudah semestinya kelompok pemegang taruh mengharapkan pelbagai inisiatif dan usaha yang menjurus kepada elemen kesejahteraan rakyat setempat, peluang pembangunan ekonomi, kelestarian alam sekitar mahupun daya urus tadbir organisasi diperhebatkan lagi.

Saya percaya seluruh warga kerja MBPG telah bersedia menyahut cabaran untuk menjadikan MBPG sebagai sebuah organisasi yang sentiasa relevan dengan perubahan semasa serta mampu memenuhi jangkaan pihak berkepentingan, pemegang taruh dan pelanggan. Justeru, penghasilan naskah terbaru ini adalah sebagai indikasi kesinambungan setiap perancangan jitu yang bakal direalisasikan dalam tempoh lima (5) tahun mendatang oleh MBPG.

Semoga usaha murni menyediakan Pelan Strategik ini akan menjadikan MBPG sebagai sebuah PBT peneraju yang benar-benar dinamik dalam memperkasakan relung perkhidmatan untuk masyarakat umum dan pemain industri di dalam kawasan pentadbirannya.

Sekian, salam hormat.

Dato' Haji Azmi bin Rohani
Setiausaha Kerajaan Johor



PERUTUSAN DATUK BANDAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السُّلْطَانِ الْمَوْلَى عَلَيْهِ سُلْطَانُ جَوَهَرِ دَارُ الدِّينِ كَاتِبِ

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, serta selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, keluarga dan sahabat-sahabat baginda serta para tabiin dan mereka yang mengikuti jejak langkah baginda sehingga ke hari kemudian.

Terlebih dahulu saya dan seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) merafak sembah menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di atas perkenan pengisytiharan Majlis Bandaraya Pasir Gudang pada 22 November 2020 bersamaan dengan 6 Rabiulakhir 1442H. Setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Menteri Besar Johor dan YB Setiausaha Kerajaan Johor serta seluruh kepimpinan kerajaan negeri yang turut memberi kepercayaan kepada saya menggalas tanggungjawab sebagai Datuk Bandar Pasir Gudang yang pertama.

Sebagai sebuah bandar raya yang ketiga di negeri Johor, penduduk Pasir Gudang pasti amat berbangga dengan tagline "Bandar Raya Industri dan Pelabuhan" kerana Pasir Gudang kini bersedia untuk menerajui negeri Johor sebagai bandar pelabuhan dan industri terulung negara. Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Langsat menjadi mandat penting dalam mengukuh-



sektor industri dan menjulang nama Bandar Raya Pasir Gudang ke peringkat antarabangsa.

Saya penuh yakin dan percaya, persekitaran lestari lagi sejahtera, jalinan infrastruktur yang efisien, dan masyarakat yang saling menghormati telah wujud di Bandar Raya Pasir Gudang sejak sekian lama. Justeru, Pelan Strategik 2021-2025 MBPG disediakan selaras dengan penaik tarafan bandar raya dan bakal menjadi pelengkap kepada kesinambungan usaha pembangunan berpaksikan indikasi serta sasaran ke arah menjadi Bandar Raya Sejahtera, Pintar dan Rendah Karbon menjelang 2025. Ianya turut digarap bersama dengan komitmen warga kerja, pemegang taruh, komuniti, agensi-agensi kerajaan dan swasta termasuk pelabur-pelabur yang ada di Pasir Gudang.

Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kini berdepan dengan cabaran dari pelbagai sudut, antaranya ekspektasi pihak berkepentingan, pengaruh globalisasi dan tempatan serta kehendak masyarakat yang tiada had sempadan. Muah tidak muhu, sebagai kerajaan peringkat ketiga yang paling hampir dengan masyarakat, perubahan dan penambahbaikan perlu sentiasa dilakukan dalam melangkaui atau setidak-tidaknya memenuhi ekspektasi tersebut.

Pelan Strategik 2021-2025 MBPG ini mengandungi tujuh (7) teras utama bersama objektif bersasar yang jelas bagi tujuan penilaian pencapaian kelak. 7 Teras Utama yang telah dibangunkan adalah :

1. Tadbir Urus Berintegriti Dan Kepakaran Yang Tinggi
2. Teknologi Pintar Dan Sistem Terkini
3. Pengurusan Alam Sekitar, Kesihatan Persekutuan Dan Pembangunan Yang Mampan
4. Kecekapan Pengurusan Kewangan Dan Perbendaharaan
5. Infrastruktur Yang Efisien
6. Kesejahteraan Sumber Insan dan Libat Urus Yang Padu
7. Penguatkuasaan Undang-Undang Yang Konsisten

Penetapan objektif dan inisiatif strategik mengikut kesesuaian setiap teras yang begitu komprehensif mencakupi kesemua operasi Jabatan, Bahagian dan Unit di dalam MBPG serta pembabitan semua anggota pekerja. Lima tahun bukanlah satu jangka masa yang panjang. Justeru selepas organisasi dinaik taraf kepada bandar raya maka, menjadi tumpuan utama saya untuk melaksanakan proses pengukuhan dan pemantapan fungsi setiap Jabatan, Bahagian dan Unit bagi memastikan ianya berada di atas landasan fungsi tugas yang sepatutnya selain dapat memperkasakan lagi fungsinya sejajar dengan taraf bandar raya.

Sumber manusia dilihat merupakan tulang belakang yang memainkan peranan yang amat penting bagi kemajuan sesebuah organisasi dalam memacu kecemerlangan pada akhir nanti. Begitu juga di MBPG, perancangan pembangunan sumber manusia perlu dilaksanakan dengan efektif bagi melahirkan warga kerja yang profesional, kompeten, berintegriti, berdaya saing dan berakhhlak mulia selaras dengan teras utama yang dibangunkan.

Manakala masyarakat dan pemegang taruh di Pasir Gudang perlu disantuni dan dianggap sebagai sebuah keluarga sendiri yang memerlukan kerjasama yang intim. Hubungan kerjasama yang telah lama terjalin akrab di antara MBPG dan masyarakat sudah pasti akan memudahkan lagi misi bagi menjadikan Pasir Gudang bukan sahaja sebagai sebuah bandar raya impian untuk kerjaya namun menjadi lokasi kediaman yang sejahtera dan harmoni.

Perkembangan teknologi sejak akhir abad ke-20 mencapai satu tahap yang luar biasa kerana ianya


telah meresap jauh ke dalam tatacara kehidupan dan budaya manusia pada masa kini, sehingga manusia seolah-olah tidak dapat hidup tanpa teknologi. Teknologi menjadi alat yang mampu membantu sebahagian besar keperluan manusia. Teknologi telah dapat digunakan oleh manusia untuk mempermudahkan apapun tugas dan tanggungjawab.

Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac 2020 berikutan pandemik Covid-19 yang melanda negara dan secara global, turut menyaksikan bagaimana pentingnya teknologi pendigitalan dalam pengurusan sesebuah organisasi bagi memacu dari segi ekonomi, sosial dan pembangunan. Di dalam hal yang demikian, di samping mendukung inisiatif pendigitalan kerajaan, sudah pastilah MBPG juga perlu berani untuk berubah ke arah pendigitalan atau pintar sepenuhnya khususnya dalam segala urusan pentadbirannya agar ianya menjadi PBT yang relevan pada masa kini dan pada masa hadapan.

Pada masa yang sama penyediaan Pelan Strategik 2021-2025 MBPG ini juga telah diselaraskan dalam menyediakan dokumen Kajian Rancangan Tempatan Pasir Gudang (RTPG) yang dibangunkan agar ianya selaras, mengikut landasan dan panduan yang ditetapkan supaya akhirnya ianya benar-benar menepati kehendak dan keperluan masyarakat dan keseluruhan pemegang taruh.

Justeru adalah menjadi harapan saya semoga komitmen, dedikasi serta kerjasama semua warga pentadbiran ini, disamping sokongan padu daripada Ahli Majlis MBPG serta kerjasama masyarakat dan pemegang taruh di Pasir Gudang dapat memastikan perlaksanaan Pelan Strategik Majlis Bandaraya Pasir Gudang 2021-2025 berjaya direalisasikan. Mudah-mudahan dengan adanya pelan strategik ini dapat menyuntik semangat yang baru ke arah memperkasakan perkhidmatan MBPG menjadi sebuah PBT yang cekap, mantap dan berkompetensi tinggi dan seterusnya visi Pasir Gudang Bandar Raya Sejahtera, Pintar dan Rendah Karbon menjelang 2025 menjadi kenyataan.

Sekian.



Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman
Datuk Bandar Pasir Gudang

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik 2021-2025 Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG), dirangka bagi memaksimumkan perancangan Bandar Raya Pasir Gudang bagi tempoh 5 tahun. Perancangan ini bakal dilaksanakan untuk jangka masa pendek dan sederhana untuk mencapai Visi MBPG iaitu **Pasir Gudang Bandar Raya Sejahtera, Pintar dan Rendah Karbon Menjelang 2025** yang menjadi tunjang dan aspirasi kepada keseluruhan inisiatif yang akan dibangunkan.

Pelan Strategik 2021-2025 ini turut menjelaskan fungsi dan jangkaan pencapaian bagi setiap Jabatan, Bahagian dan Unit di dalam organisasi MBPG yang bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat setempat dan pihak berkepentingan. Pelan Strategik ini merupakan petunjuk dan hala tuju perancangan jitu Bandar Raya Pasir Gudang untuk tempoh 5 tahun akan datang yang mana ianya menggariskan pelaksanaan program, projek dan aktiviti selaras dengan keperluan semasa masyarakat dan kepentingan pembangunan mampan atau lestari (*sustainable development*) di Bandar Raya Pasir Gudang. Pendekatan pembangunan yang dijalankan secara terancang dan berterusan adalah selari dengan prinsip 'memenuhi keperluan masa kini tanpa mengorbankan keperluan generasi masa akan datang'.

Bagaimanapun, antara isu utama perlu dihadapi dalam usaha melaksanakan pembangunan mampan ialah bagaimana pembangunan bandar yang meliputi aspek sosial dan ekonomi tidak menjelaskan kelestarian alam sekitar. Usaha menjayakan pembangunan mampan memerlukan penglibatan berkualiti dari komuniti, persekitaran yang menyokong pewujudan bandar raya pintar dan fasiliti bertaraf dunia, kerana ia adalah komponen penting dalam memastikan kejayaannya. Komuniti berperanan sebagai peneraju pembangunan. Walaupun komuniti ramai dan pertumbuhannya pesat, namun jika kualiti kehidupan rendah, ianya akan memperlambangkan pencapaian objektif pembangunan mampan. Justeru itu, komuniti berkualiti diperlukan untuk mengurus potensi sumber asli dengan berkesan, serta mengekalkan kemampuan alam sekitar. Jelas bahawa keseimbangan dan keharmonian komuniti dengan kecekapan menguruskan pembangunan menjadi teras utama pembangunan mampan.

Pelan Strategik ini juga mengambil kira dasar-dasar perkhidmatan awam dan kerajaan negeri yang diputuskan oleh pihak berkepentingan serta peningkatan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan sesuai dengan keperluan mereka.

Penetapan pembangunan Bandar Raya Pasir Gudang sebagai Bandar Pintar Dan Rendah Karbon digarap dengan membuat silang rujuk kepada teras dalam Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030, Malaysia Smart City Framework 2018 oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Dasar serta Garis Panduan Landskap Negara, Garis Panduan Industri Pasir Gudang (GAPISMA), Rancangan Tempatan Pasir Gudang (RTPG 2020), Rancangan Kawasan Khas Sungai Tiram dan UN Sustainable Development Goals 2030 (SDG 2030).

Pelan Strategik yang dirangka ini turut mengambil kira cabaran dan risiko besar yang akan dihadapi oleh MBPG seperti pencemaran alam sekitar, situasi pandemik COVID-19 dan fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang boleh menjelaskan fasa perancangan inisiatif strategik dan sasaran pelaksanaan. Sekiranya kawalan pandemik dapat dilakukan dengan berkesan pada peringkat nasional, serantau dan global, pelan ini dapat direalisasikan dengan lancar khususnya aktiviti kemasyarakatan, latihan peningkatan kerjaya untuk warga kerja, pematuhan undang-undang dan sebagainya.

Justeru itu, semakan sasaran pelaksanaan secara berkala seboleh-bolehnya dilakukan dalam tempoh setiap enam (6) bulan bagi penilaian semula perancangan dan pelaksanaan di peringkat dalaman MBPG.

Sebanyak tujuh (7) Teras Strategik MBPG telah dibangunkan dan dijayakan dengan enam puluh tiga (63) inisiatif strategik yang bakal dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun. Penyediaan dokumen Pelan Strategik 2021-2025 MBPG ini pastinya memerlukan tindakan pemantauan secara konsisten, agar warga MBPG dapat menjawai hasrat serta hala tuju strategik MBPG, khususnya dari sudut pencapaian pelaksanaan serta penilaian impak yang diharapkan. Pemurnian dokumen ini dalam bentuk pelan tindakan yang berterusan, akan terus menjadikan dokumen ini sebagai asas rujukan utama untuk perancangan Key Performance Indicator (KPI) Jabatan, Bahagian dan Unit di MBPG.

PELAN STRATEGIK 2021-2025

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Bandar Raya Industri dan Pelabuhan




PENGENALAN

Aspirasi Kerajaan Negeri Johor

Simbolik Dynamic Pasir Gudang

01

ASPIRASI KERAJAAN NEGERI JOHOR



01 SIMBOLIK DYNAMIC PASIR GUDANG



DYNAMIC PASIR GUDANG

Sejajar dengan status **Pasir Gudang Bandar Raya Industri Dan Pelabuhan** dan melalui pelan strategik 2021-2025 yang dirangka bagi merealisasikan visi **Pasir Gudang Bandar Raya Sejahtera, Pintar dan Rendah Karbon**, penjenamaan semula bagi memperkasa Pasir Gudang menjadi motivasi warga MBPG.

Dynamic Pasir Gudang atau Pasir Gudang Dynamic kini menjadi tagline dalam mempertaruh dan mempromosi Pasir Gudang di persada dunia.

Bersesuaian dengan perubahan dan kemajuan yang dialami dalam tempoh 4 dekad bermula Julai 1977 sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang kemudiannya di naiktaraf Perbandaran pada Julai 2008 dan pada tarikh keramat 22 November 2020 dinobatkan ke status Bandaraya, tagline **Dynamic Pasir Gudang** yang disandarkan dilihat adalah amat bertepatan berikutan kejayaan demi kejayaan yang dicapai dalam tempoh tersebut dan potensi Bandar Raya Pasir Gudang di masa akan datang.

Dynamic yang membawa maksud bertenaga dan berkekuatan serta mampu membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan. Melalui usaha dan kolaborasi berterusan oleh seluruh tenaga insan di MBPG, pemegang taruh dan segenap lapisan masyarakat yang sayangkan Pasir Gudang adalah tidak mustahil untuk Pasir Gudang akan terus mencapai kejayaan yang cemerlang sebagai Bandar Raya Industri Dan Pelabuhan yang unik, tersohor dan lestari di tanah air khususnya dan di dunia amnya.

RASIONAL LOGO DYNAMIC PASIR GUDANG

Rasional Dynamic Pasir Gudang

Dynamic

Membawa maksud energetik dan berdaya membawa pembaharuan serta kemajuan.

Bentuk Kargo Berwarna Hitam

Melambangkan Pasir Gudang “Bandar Raya Industri Dan Pelabuhan” iaitu sebagai pusat dagangan entrepot terletak di selatan Semenanjung Malaysia.

D dan Y (Imej Digital Kren)

Kepelbagai teknologi pintar dalam operasi menghasilkan produk yang pelbagai dan berkualiti.

N dan C (Imej Batu dan Paip)

Bandar Raya yang mempunyai infrastruktur serta kemudahan fasiliti yang efisien serta memberikan perkhidmatan terbaik kepada komuniti dan pemegang taruh.

Lambang ‘A’ berwarna Biru Bermotifkan Kapal

Bandar Raya berpelabuhan sebagai tonggak jaringan penjanaan ekonomi antarabangsa.

Lambang ‘M’berwarna Hijau

Kepesatan pembangunan Pasir Gudang sebagai kawasan industri tidak meninggalkan elemen penjagaan alam sekitar .

PELAN STRATEGIK 2021-2025

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Bandar Raya Industri dan Pelabuhan



LATAR BELAKANG ORGANISASI

- Struktur Pentadbiran
- Peta Kawasan Pentadbiran
- Carta Organisasi
- Fungsi Dan Peranan
- Pihak Berkepentingan Dan Pelanggan
- Punca Kuasa

02

02 STRUKTUR PENTADBIRAN



22 November 2020 menjadi tarikh keramat dan bersejarah kepada Pasir Gudang apabila dimasyhurkan sebagai bandar raya ketiga di Negeri Johor dan dikenali dengan tagline "Bandar Raya Industri dan Pelabuhan".

Ianya bermula apabila mantan YAB Menteri Besar Johor, Datuk Othman bin Sapian mengumumkan cadangan menaik taraf Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) kepada Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) ketika lawatan ke daerah Johor Bahru pada 22 Julai 2018. Cadangan tersebut adalah berdasarkan kepada faktor kutipan hasil yang tinggi dan bilangan penduduk yang mencecah setengah juta orang serta beberapa kriteria utama naik taraf bandar raya yang telah dipenuhi. Di samping itu, kedudukan MPPG yang diapit oleh dua Pihak Berkuastra Tempatan (PBT) bertaraf bandar raya di daerah Johor Bahru menjadi kewajaran untuk MPPG turut dinaik taraf sebagai bandar raya agar jangkaan mewujudkan kesinambungan dan rangkaian Metropolitan Johor Bahru dapat direalisasikan.

Pada 13 Februari 2019, Majlis Mesyuarat Negeri Johor (MMK) melalui Ringkasan Mesyuarat Bil. 333/2019 turut bersetuju untuk menaik taraf kawasan MPPG kepada

taraf bandar raya, dengan jumlah keluasan kawasan pentadbiran sebanyak 35,957 hektar serta membuat penstrukturran perjawatan baharu, seterusnya permohonan diangkat ke peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk kelulusan selanjutnya.

Justeru, setelah kesemua kriteria dan keperluan dokumentasi dipenuhi, penaik tarafan Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) kepada Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah diisyiharkan dan berkuatkuasa pada tarikh 22 November 2020 bersekali dengan pelantikan Datuk Bandar Pasir Gudang pertama disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Johor, Dato' Haji Hasni bin Mohammad.

Menyelusuri sejarah awal penubuhannya, pembangunan Pasir Gudang bermula pada tahun 1977 apabila Kerajaan Negeri Johor melantik Johor Corporation (dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ)) sebagai PBT bagi mentadbir dan memajukan kawasan Majlis Bandaran Pasir Gudang di bawah Seksyen 150, Enakmen Lembaga Bandaran.

Mulai 1 Julai 1985, Kerajaan Negeri Johor kemudiannya telah bersetuju PBT Pasir Gudang ditadbir di bawah Seksyen 7, Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171) menggantikan penggunaan Enakmen Lembaga Bandaran 1937 (Bil 118) dan seterusnya menubuhkan MPPG pada 1 Julai 2008 di bawah Seksyen 3, Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171). Selaras dengan penubuhan MPPG, maka pelantikan Ahli-Ahli Majlis telah dibuat pada 1 Julai 2008 meliputi 24 zon. Ahli-Ahli Majlis yang dilantik berperanan penting dalam memperkuatkan pengurusan dan pentadbiran MPPG disamping bertindak sebagai penghubung antara penduduk dan juga pihak pengurusan MPPG.

Sejarah sekali lagi terlakar apabila pada 1 September 2009, tumpuk pengurusan MPPG berhijrah ke era baru apabila Kerajaan Negeri Johor mengambil alih sepenuhnya pentadbiran dengan menempatkan dua orang Pegawai Tadbir Negeri Johor sebagai Yang Dipertua dan Setiausaha bagi mentadbir MPPG. Majlis Pengisytiharan MPPG kemudiannya telah disempurnakan pada 1 Julai 2010 oleh YAB Menteri Besar Johor ketika itu iaitu YAB Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman.

Kawasan pentadbiran MBPG yang sehingga kini berkeluasan 35,957 hektar meliputi Mukim Tiram, sebahagian Mukim Plentong dengan Parlimen Pasir

Gudang meliputi Dewan Undangan Negeri (DUN) Permas, Johor Jaya dan Parlimen Tebrau iaitu DUN Tiram. Jumlah anggaran penduduknya kini seramai 533,868 orang dengan majoriti berbangsa Melayu (66%) diikuti dengan bangsa Cina (11%), India (11%) dan lain-lain (12%).


Jumlah pegangan harta adalah hampir 90,757 dengan anggaran hasil sebanyak RM127.2 juta setahun. Sepanjang 2020, MBPG telah berjaya mengutip cukai taksiran semasa sebanyak RM115,187,158.29 juta (90.43%) daripada RM127,378,292.9 juta. Manakala bagi kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM18,925,282 juta (61.1%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM30,966,302.05 juta.

Jumlah keseluruhan hasil yang dikutip termasuk hasil cukai, bukan cukai dan terimaan bukan hasil sepanjang 2020 adalah berjumlah RM177.5 juta.


Selain itu, perjawatan di MBPG juga turut terus berkembang dan sehingga Disember 2020, tonggak sumber manusianya mencecah seramai 541 orang yang terdiri daripada 44 orang gred Pengurusan dan Professional, 308 gred Sokongan I dan 189 gred Sokongan II yang mana 338 orang berjawatan tetap manakala selebihnya 203 orang bertaraf kontrak.



02 PETA KAWASAN PENTADBIRAN



02 CARTA ORGANISASI



02 FUNGSI DAN PERANAN

- | | |
|--|---|
| 1 |  <p>Merancang, Mengatur Dan Mengawal Pembangunan Bandar Raya, Membina Dan Menyelenggara Kemudahan Awam Dan Infrastruktur</p> |
| 2 |  <p>Menyediakan Perkhidmatan Perbandaran, Kawalan Kualiti Makanan Serta Kawalan Vektor Yang Membawa Penyakit.</p> |
| 3 |  <p>Menguruskan Alam Sekitar Dengan Berkesan</p> |
| 4 |  <p>Bertanggungjawab Sebagai Badan Kawalan Bangunan Dalam Memastikan Kehendak Perundangan Dasar dan Garis Panduan Dipatuhi</p> |
| 5 |  <p>Pengurusan Cukai Harta dan Sumber Hasil Sokongan</p> |
| 6 |  <p>Mengawal Pengeluaran Lesen Premis Dan Lain-Lain Lesen Berkaitan Serta Menyediakan Kemudahan Perniagaan</p> |
| 7 |  <p>Membina Dan Menyelenggara Kawasan Rekreasi, Riadah Dan Melaksanakan Pengindahan Bandar</p> |
| 8 |  <p>Menguruskan Aset Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) Dan Menguruskan Harta-Harta Bersama Sebagai "Commissioner of Building" Serta Penyewaan Harta</p> |
| 9 |  <p>Menguruskan Kewangan Dan Perbendaharaan Dengan Berkesan, Cekap Dan Sistematik Berdasarkan Tatacara Kewangan Yang Ditetapkan</p> |
| 10 |  <p>Melahirkan Komuniti Yang Berintegrasi, Bersatu Padu Dan Bermuafakat Menerusi Program-Program Kemasyarakatan</p> |
| 11 |  <p>Melaksanakan Penguatkuasaan Undang-Undang Perbandaran</p> |

02 PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PELANGGAN



02 PUNCA KUASA

SENARAI UNDANG-UNDANG/PERATURAN/AKTA YANG DIGUNA PAKAI

1

Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]

- Perintah-Perintah Am Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan Johor (Kelakuan & Tatatertib) 1988
- Kaedah-Kaedah Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor 1992

2

Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]

- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984

3

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]

- Kaedah-kaedah Caj Pemajuan Negeri Johor 2018

4

Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]

- Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015
- Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Tribunal Pengurusan Strata) 2015

5

Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318]

6

Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]

7

J.P.U 11; 2/11/2017 Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) 1984 [Akta 302]

8

Lain-lain Akta/Peraturan/Perintah/Kaedah di Malaysia yang sesuai dirujuk bersama-sama dari semasa ke semasa.

9

Rancangan Tempatan Pasir Gudang (RTPG 2030)

UNDANG-UNDANG KECIL MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

- 1** J.P.U. 37; 26/4/1990 UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (PBTPG) 1989 [Akta 171] & J.P.U. 19; 28/4/2005 UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (PBTPG) (Pindaan) 2004 [Akta 171]
- 2** J.P.U. 91; 11/10/1990 UUK Iklan Pilihanraya (PBTPG) 1990 [Akta 171]
J.P.U. 39; 2/8/2018 UUK Iklan Pilihanraya (MPPG) 2018 [Akta 171]
- 3** J.P.U. 2; 2/3/1995 UUK Taman (PBTPG) 1993 [Akta 171]
- 4** J.P.U. 4; 2/3/1995 UUK Pelesenan Anjing (PBTPG) 1993 [Akta 171]
- 5** J.P.U. 44; 6/11/1997 UUK Kerja Tanah (PBTPG) 1995
(Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974) [Akta 133]
- 6** J.P.U. 50; 6/12/2001 Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (PBTPG) 2001 (Akta Pengangkutan Jalan 1987) [Akta 333]
J.P.U. 7 Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (MPPG) (Pindaan) 2018 (Akta Pengangkutan Jalan 1987) [Akta 333]
- 7** K.P.U. 68; 11/11/2010 UUK Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut (MPPG) 2010 [Akta 171]
- 8** J.P.U. 69; 11/11/2010 UUK Mencegah Kekotoran (MPPG) 2010 [Akta 171]
- 9** J.P.U. 70; 11/11/2010 UUK Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (MPPG) 2010 [Akta 171]
- 10** J.P.U. 71; 11/11/2010 UUK Penjaja (MPPG) 2010 [Akta 171]
J.P.U. 36, 24/5/2012 UUK Penjaja (MPPG) (Pindaan) 2012 [Akta 171]
J.P.U. 8 UUK Penjaja (MPPG) (Pindaan) 2018 [Akta 171]
- 11** J.P.U. 72; 11/11/2010 UUK Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan (MPPG) 2010 [Akta 171]

UNDANG-UNDANG KECIL MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

- 12** J.P.U. 73; 11/11/2010 UUK Pengendali Makanan (MPPG) 2010 [Akta 171]
- 13** J.P.U. 74; 11/11/2010 UUK Mendapatkan Tuggakan (MPPG) 2010 Akta Jalan, Parit dan Bangunan [Akta 133]
- 14** J.P.U. 49; 17/3/2011 UUK Pasar Awam dan Persendirian (MPPG) 2011 [Akta 171]
- 15** J.P.U. 50; 17/3/2011 UUK Bayaran Denda (Lesen) (MPPG) 2011
- 16** J.P.U. 51; 17/3/2011 UUK Pengawalan dan Pengawasan Tempat-tempat Makan (MPPG) 2011
- 17** J.P.U. 52; 17/3/2011 UUK Jalan, Parit dan Bangunan (Mengkompaun Kesalahan- Kesalahan) (MPPG) 2011
- 18** J.P.U. 53; 17/3/2011 UUK Pelesenan Iklan (MPPG) 2011 [Akta 171]
- 19** J.P.U. 54; 17/3/2011 UUK Vandalisme (MPPG) 2011 [Akta 171]
- 20** J.P.U. 55; 17/3/2011 UUK Pasar Malam/Sehari (MPPG) 2011
- 21** J.P.U. 14; 17/3/2016 UUK Tandas Awam (MPPG) 2016 [Akta 171]
- 22** J.P.U. 10; 2/2/2017 UUK Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian (MPPG) 2017 [Akta 171]
- 23** J.P.U. 37; 2/8/2018 UUK Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (MPPG) 2018 [Akta 171]]
- 24** J.P.U. 38; 2/8/2018 UUK Spa (MPPG) 2018 [Akta 171]

PELAN STRATEGIK 2021-2025

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Bandar Raya Industri dan Pelabuhan



PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK 2015-2020

Kajian Impak Pelan Strategik MPPG 2015-2020

Asas Kajian Dan Dapatan Kajian

Rumusan Dapatan Kajian Impak

Cabar Dan Jurang Pencapaian Teras Strategik

03

03 PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK 2015 - 2020

KAJIAN IMPAK PELAN STRATEGIK MPPG 2015-2020

Objektif

- i. Mengenal pasti tahap persepsi dan kepuasan responden (masyarakat yang menetap di Pasir Gudang) terhadap keberkesanannya perkhidmatan MPPG.
- ii. Mengenal pasti usaha-usaha penambahbaikan berterusan yang boleh dilaksanakan sebagai kesinambungan terhadap perkhidmatan sedia ada yang ditawarkan.
- iii. Menganalisis impak kesedaran masyarakat terhadap pelbagai rancangan fizikal dan bukan fizikal dalam pelbagai senario perkhidmatan perbandaran yang sedang dilaksanakan oleh pihak MPPG.
- iv. Memenuhi keperluan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT).
- v. Mengkaji kekuatan teras strategi yang telah dibangunkan seterusnya memastikan kebolehcapaian *Key Performance Indicator (KPI)* yang ditetapkan berdasarkan pelan tindakan yang disediakan oleh kesemua Jabatan/Bahagian/Unit.
- vi. Menganalisis output dari setiap pernyataan KPI berbanding impak yang diperolehi.
- vii. Mengkaji semula Pelan Strategik 2015-2020 MPPG dan melaksanakan elemen penambahbaikan yang berimpak tinggi dan relevan dengan fungsi PBT bagi persediaan pembinaan Pelan Strategik akan datang.


Asas Kajian Dan Dapatan Kajian

Asas kajian berpandukan 7 Teras Strategi MPPG



03 PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK 2015 - 2020

Rumusan Dapatan Kajian Impak



Purata peratusan capaian hasil kajian impak (warga kerja dan umum) berada pada tahap **Cemerlang** berjumlah 91.89%, manakala tahap **tidak memuaskan** berjumlah 8.11%. Hasil kajian ini telah dianalisis dan diberi perhatian sewajarnya. Beberapa cadangan, aduan dan komen yang membina telah dianalisis untuk tindakan seterusnya. Langkah penambahan di peringkat Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) telah dilaksanakan bagi memastikan berlaku peningkatan tahap keberkesanan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MPPG selaku Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang paling hampir dengan rakyat.

ANALISIS PENCAPAIAN TERAS STRATEGIK 2015-2020

Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) telah membuat semakan pencapaian sebanyak dua (2) kali iaitu pada tahun 2018 dan Disember 2020 bagi mendapatkan status pencapaian akhir. Dapatan output bagi setiap Key Performance Indicator (KPI) jelas menunjukkan hampir semua pelan tindakan telah dilaksanakan sepenuhnya di peringkat jabatan walaupun sebilangan kecil telah tidak menepati sasaran yang ditetapkan di atas beberapa sebab dan kekangan.

03 PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK 2015 - 2020

CABARAN DAN JURANG PENCAPAIAN TERAS STRATEGIK

Pencapaian Pelan Tindakan yang berada di bawah sasaran adalah disebabkan oleh:

Faktor luaran:

- i. Pandemik Covid-19 yang melanda negara sejak Mac 2020 menyebabkan Key Performance Indicator (KPI) tidak tercapai melibatkan kerjasama/anugerah/ penyertaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa
- ii. Kebergantungan kepada prestasi pihak ketiga seperti Southern Waste Management (SWM) dan kontraktor
- iii. Prosedur kerja agensi di luar kawalan dan bidang kuasa serta perubahan dasar agensi.

Faktor dalaman:

- i. Peruntukan kewangan yang tidak mencukupi serta keperluan kajian teknikal yang menyeluruh bagi melaksanakan KPI
- ii. Perubahan pengurusan atasan dalam penetapan hala tuju pembangunan
- iii. KPI yang tidak relevan dengan keperluan sebenar organisasi
- iv. KPI yang ditetapkan terlalu tinggi serta tiada rekod pencapaian sebelum tahun 2015

Sejajar dengan pengisytiharan Pasir Gudang dinaiktaraf kepada status bandar raya pada 22 November 2020, pelan tindakan strategik dan KPI yang tidak tercapai sepenuhnya boleh diteruskan bagi memastikan kesinambungan kepada perancangan holistik bagi tempoh lima (5) tahun yang akan datang dengan garapan yang lebih realistik di dalam Pelan Strategik 2021 hingga 2025.

PELAN STRATEGIK 2021-2025

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Bandar Raya Industri dan Pelabuhan



HALA TUJU PELAN STRATEGIK

Analisa Persekitaran

Visi dan Misi

Nilai-Nilai Bersama

04

04 ANALISA PERSEKITARAN

Dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawab menyampaikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) sebagai pihak berkuasa tempatan berurusan dengan pelbagai pihak sama ada pelanggan maupun pihak berkepentingan. MBPG telah meletakkan keutamaan terhadap kepentingan kesemua pihak pada setiap masa dan keadaan serta berusaha memastikan setiap perancangan dilaksanakan dengan hikmah di dalam mengatur keutamaan untuk memastikan impak yang optimum.

Pandangan dan harapan kesemua kelas komuniti dikumpulkan melalui penyediaan platform interaksi, program-program kemasyarakatan maupun bengkel teknikal yang menghimpunkan kepakaran pelbagai bidang, seterusnya dizahirkan melalui pembangunan projek fizikal sebagai insentif kepada sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada MBPG.



(RUJUKAN: KAJIAN IMPAK PELAN STRATEGIK 2015-2020 DAN INDEKS KEMAMPAANAN BANDAR, Murninet)

04 HALA TUJU PELAN STRATEGIK 2021-2025



VISI



**PASIR GUDANG BANDAR RAYA SEJAHTERA,
PINTAR DAN RENDAH KARBON
MENJELANG 2025**



MISI

Memastikan Segala Perancangan, Pengurusan Dan Penyampaian Perkhidmatan Perbandaran Adalah Cekap, Berkesan Dan Berkualiti Menerusi:

-
-
-
-
-

Memperkasa Tadbir Urus Yang Cekap

Pemerksaan Libat Urus Masyarakat

Penyediaan Kemudahan Kesejahteraan Awam

Perancangan dan Pembangunan Yang Mampan

Pengukuhan Kedudukan Kewangan

04 HALA TUJU PELAN STRATEGIK 2021-2025

VISI

“Pasir Gudang Bandar Raya Sejahtera, Pintar Dan Rendah Karbon Menjelang 2025”

1. Terjemahan Bandar Sejahtera

Menjadikan Pasir Gudang sebagai Bandar Pilihan bagi kediaman dan perniagaan yang selesa, aman, makmur dan selamat.

Bandar Sejahtera



Persekitaran



Sosial




Ekonomi



04 HALA TUJU PELAN STRATEGIK 2021-2025

“Pasir Gudang Bandar Raya Sejahtera, Pintar Dan Rendah Karbon Menjelang 2025”



(Sumber Rujukan:
Laporan Draf Rangka Kerja Bandar Pintar)



TUJUH (7) ELEMEN BANDAR PINTAR MALAYSIA

Bandar Pintar merupakan pendekatan masa hadapan bagi perancangan, pembangunan dan pengurusan bandar yang boleh memberi penyelesaian terhadap cabaran perbandaran seperti penyampaian perkhidmatan perbandaran yang kurang cekap, pencemaran alam sekitar dan kesesakan lalu lintas, seterusnya meningkatkan kualiti hidup masyarakat bandar.


Bandar Pintar adalah trend pembangunan baru yang diperhatikan di banyak negara di seluruh dunia. Beberapa buah bandar yang aktif dalam melaksanakan strategi Bandar Pintar termasuklah Amsterdam, Barcelona, Seoul, Stockholm, Singapura, Phuket dan Jakarta. Oleh itu, pembangunan Bandar Pintar yang terancang, bersepadu dan holistik di negara ini amat penting bagi memastikan MBPG sentiasa seiring dengan arus pembangunan perbandaran di peringkat global.

Trend Bandar Pintar ini disokong oleh ledakan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) termasuk penggunaan *Internet of Things* (IoT), *Cloud Computing*, *Open Data* dan *Big Data Analytics*. Trend ini merebak dengan cepat dan akan memberi impak yang besar kepada ekonomi global dan mengubah cara hidup masyarakat dunia secara umumnya.

04 HALA TUJU PELAN STRATEGIK 2021-2025

“Pasir Gudang Bandar Raya Sejahtera, Pintar Dan Rendah Karbon Menjelang 2025”

i. Perkaitan Pelan Strategik 2021-2025 MBPG dengan Penetapan Elemen Bandar Pintar Malaysia



04 HALA TUJU PELAN STRATEGIK 2021-2025

“Pasir Gudang Bandar Raya Sejahtera, Pintar Dan Rendah Karbon Menjelang 2025”

1. Terjemahan Bandar Rendah Karbon

Bandar yang mengurangkan tahap pelepasan karbon dengan mengimbangi yang lebih lestari kepada komuniti melalui penggunaan sumber yang efisien dan mengurangkan pembaziran.

2. Komitmen

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) komited untuk melaksanakan perancangan dan pemerkasaan program yang menjurus kepada agenda mengekalkan kesejahteraan dan kelestarian Pasir Gudang sehingga mencapai tahap penanda aras rendah karbon serta bekerjasama dengan semua pihak yang terlibat bagi mengurangkan tahap pelepasan karbon dalam projek-projek pembangunan yang dilaksanakan.

Bagi menjayakan visi ini, MBPG akan memastikan segala perancangan, pengurusan dan pelaksanaan membangunkan bandar rendah karbon diselaraskan dengan kerangka seperti carta berikut :



04 NILAI-NILAI BERSAMA

S	Sabar dalam menghadapi cabaran dan isu dalam melaksanakan tanggungjawab
E	Efektif dan efisien dalam melaksanakan tanggungjawab
J	Jauhari dan profesional dalam membuat keputusan
A	Amanah dan bertanggungjawab
H	Hormat-menghormati dan bekerja secara berpasukan
T	Taat serta mematuhi dasar, etika dan undang-undang
E	Empati iaitu memahami permasalahan orang lain
R	Responsif dan proaktif terhadap isu dan tugas
A	Adil dan saksama dalam menjalankan amanah

PELAN STRATEGIK 2021-2025

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Bandar Raya Industri dan Pelabuhan



PELAN STRATEGIK 2021-2025

Manifesto Revolusi Bandar Raya Pasir Gudang

Teras Strategik

05

05 MANIFESTO

REVOLUSI 1

PELABUHAN PINTAR (SMART PORT)

1

Rakan Strategik
(Strategic Buddies)



Smart People

2

Pendigitalan
(Digitalization)



Smart Digital infrastructure

REVOLUSI 2

PENGEZONAN DAN INDUSTRI PINTAR

1


Pengezonan
(Zoning)



Smart Environment

2

Pasir Gudang sebagai
Pelabuhan dan Industri
(PG is about Port
and Industry)



Smart Environment

3

Naiktaraf Infrastruktur
(Upgrading Infrastructure)



Smart Mobility



Elemen Bandar Pintar Malaysia

05 MANIFESTO

REVOLUSI 3

PERSEKITARAN PINTAR

1

Waste To Wealth
(WTW)



Smart Living

2

Pembelajaran
Norma Ekosistem
(Eco-Norm Education)



Smart People

3


Memelihara
Ekosistem
(Eco-Preserve)



Smart Environment

4

Pengurangan
Karbon
(Less Co²)



Smart Environment



Elemen Bandar Pintar Malaysia

05 MANIFESTO

REVOLUSI 4

MASIH PRIHATIN

1

TMIYC
@Pasir Gudang



Smart Living

2

Dataran Mahkota
Pasir Gudang



Smart Living

3

Pusat Haiwan
Terbiar
(D'Habitat)



Smart People

4

Pusat Gelandangan
(Care and Cure
Camp 3C MBPG)



Smart Living

5

Eco Spatial



Smart Living

6

Sg. Buloh Spatial



Smart Living



Elemen Bandar Pintar Malaysia

05 MANIFESTO

REVOLUSI 4

MASIH PRIHATIN

7

CB Spatial



Smart Environment

8

Layang-layang
Spatial



Smart Environment

9

Penempatan Pekerja
Warga Asing
(Workers Enclave)



Smart Living

10

Pemerkasaan
PMKS
(Perusahaan Micro
Kecil Sederhana)



Smart Economic

11

Skim Komuniti
Selamat



Smart Living

12

Perkhidmatan
Perunding
Kesihatan
(Doc Please!!)



Smart Living



Elemen Bandar Pintar Malaysia

05 MANIFESTO

REVOLUSI 4

MASIH PRIHATIN

13


Gerobok Prihatin
Pasir Gudang



Smart People

14

E-Lesen &
E-Permit



Smart Living

15

Belia Aktif



Smart People



Elemen Bandar Pintar Malaysia

05 MANIFESTO

REVOLUSI 5

KEJIRANAN AKTIF

1

CB Bestari



Smart Governance

2


KK Outreach



Smart Economic

3

ST- Bestari



Smart Governance

4

Desa Lestari



Smart People



Elemen Bandar Pintar Malaysia

05 MANIFESTO

REVOLUSI 6

TADBIR URUS PINTAR

1

Transformasi
Digital



Smart Governance

2

Warga Kontrak
Warga Tetap



Smart Governance

3

Pengukuhan Perkhidmatan
Organisasi



Smart Governance

4


Employee
Benefits



Smart Governance

5

Apresiasi
Kakitangan



Smart Governance



Elemen Bandar Pintar Malaysia

05 TERAS

01 TERAS

TADBIR URUS BERINTEGRITI DAN KEPAKARAN YANG TINGGI

- Meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya tadbir urus organisasi
- Membina keupayaan dan kapasiti sumber manusia di organisasi
- Memastikan pengembangan organisasi dan kecemerlangan pencapaian



Sasaran Pelaksanaan
Inisiatif Strategik

7 INISIATIF STRATEGIK (DASAR / MANIFESTO)

1

Penganugerahan Jabatan/ Pekerja Terbaik /
Industri/ NGO

7 TINDAKAN PELAKSANAAN

2

Pengukuhan Dan Pembangunan Organisasi

8 TINDAKAN PELAKSANAAN

3

We care

5 TINDAKAN PELAKSANAAN

4

Pusat Pentadbiran Baharu MBPG

1 TINDAKAN PELAKSANAAN

5

Pelan Tindakan Bandar Pintar

1 TINDAKAN PELAKSANAAN

6

Pemberian Tab

1 TINDAKAN PELAKSANAAN

7

Asset Tracker

2 TINDAKAN PELAKSANAAN

05 TERAS

TERAS 02

TEKNOLOGI PINTAR DAN SISTEM TERKINI

- Meningkatkan kapasiti dan keberkesanan teknologi dan sistem terkini dimanfaatkan
- Menjayakan agenda pendigitalan sektor awam dan peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan dengan kepintaran teknologi



Sasaran Pelaksanaan Inisiatif Strategik

8 INISIATIF STRATEGIK (DASAR / MANIFESTO)

- 1 Single Point of Contact System (SPOC)
1 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 2 Smart Tag Staff
1 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 3 e-Lesen/ ERP
1 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 4 e-Permit
1 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 5 e-Wallet DuitNow
1 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 6 Sistem EDMS
1 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 7 e-Scape
1 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 8 e-Maintainance
1 TINDAKAN PELAKSANAAN

05 TERAS

TERAS 03

PENGURUSAN ALAM SEKITAR, KESIHATAN PERSEKITARAN DAN PEMBANGUNAN YANG MAMPAH

- Meningkatkan kecekapan pengurusan alam sekitar dan mengurangkan tahap pencemaran
- Memastikan kesejahteraan penduduk dan meningkatkan tahap kualiti kehidupan komuniti



Sasaran Pelaksanaan
Inisiatif Strategik

13 INISIATIF STRATEGIK (DASAR / MANIFESTO)

- | | |
|---|---|
| 1 | Pusat Haiwan Terbiar (D'Habitat)
1 TINDAKAN PELAKSANAAN |
| 2 | Perkhidmatan Perunding Kesihatan
1 TINDAKAN PELAKSANAAN |
| 3 | Eco Spatial
4 TINDAKAN PELAKSANAAN |
| 4 | Sg. Buloh Spatial
2 TINDAKAN PELAKSANAAN |
| 5 | CB Spatial
1 TINDAKAN PELAKSANAAN |
| 6 | Layang-Layang Spatial
1 TINDAKAN PELAKSANAAN |
| 7 | Kong Kong Sanctuary
1 TINDAKAN PELAKSANAAN |
| 8 | Pemantauan Kenderaan/GPS
1 TINDAKAN PELAKSANAAN |

05 TERAS

TERAS 03



- 9 Lampu Isyarat Pintar
1 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 10 Waste to Wealth
3 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 11 Pembelajaran Norma Ekosistem
4 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 12 Memelihara Ekosistem
15 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 13 Less Co²
7 TINDAKAN PELAKSANAAN

05 TERAS

TERAS 04

KECEKAPAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

- Mengenalpasti hasil baharu dan meningkatkan hasil sedia ada
- Memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan cekap dan berintegriti
- Memastikan kawalan dalaman yang berkesan selaras dengan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa
- Menyediakan belanjawan dengan mengambil kira senario ekonomi semasa tanpa mengenejikan kesejahteraan masyarakat.
- Memperkuuhkan perbendaharaan melalui kecekapan tadbir urus
- Memastikan pengurusan lesen dilaksanakan dengan cekap bagi tujuan pengawalan yang berkesan
- Memantapkan pengurusan dan penyelenggaraan aset secara sistematis dan menyeluruh



Sasaran Pelaksanaan
Inisiatif Strategik

10 INISIATIF STRATEGIK (DASAR / MANIFESTO)

- 1 Smart Counter **1 TINDAKAN PELAKSANAAN**
- 2 Ops Kutipan **4 TINDAKAN PELAKSANAAN**
- 3 Ops Rampasan Deposit **1 TINDAKAN PELAKSANAAN**
- 4 Fi Lestari (Kampung Pinggir Bandar) **1 TINDAKAN PELAKSANAAN**
- 5 Fi Komersial **4 TINDAKAN PELAKSANAAN**
- 6 Lesen Sementara dan Kenaan Bon **1 TINDAKAN PELAKSANAAN**
- 7 KPBPG / UTC **2 TINDAKAN PELAKSANAAN**
- 8 Penswastaan **3 TINDAKAN PELAKSANAAN**
- 9 Kajian Semula Kadar Sewa Tanah Kosong **2 TINDAKAN PELAKSANAAN**
- 10 Johorpay **1 TINDAKAN PELAKSANAAN**

05 TERAS

TERAS 05

INFRASTRUKTUR YANG EFISIEN

- Melaksanakan projek pembangunan yang terancang dan mampan
- Mengatasi isu-isu perbandaran berkaitan infrastruktur dan menyediakan kemudahan penduduk yang berkualiti



16 INISIATIF STRATEGIK (DASAR / MANIFESTO)

1

TMIYC @Pasir Gudang

7 TINDAKAN PELAKSANAAN

2

Dataran Mahkota Pasir Gudang

1 TINDAKAN PELAKSANAAN

3

Pemerkasaan PMKS
(Perusahaan Mikro Kecil Sederhana)

4 TINDAKAN PELAKSANAAN

4

Skim Komuniti Selamat (Friendly Local)

1 TINDAKAN PELAKSANAAN

5

Penempatan Pekerja Warga Asing
(Workers Enclave)

1 TINDAKAN PELAKSANAAN

6

CB & ST Bestari

5 TINDAKAN PELAKSANAAN

7

Perumahan Warga kerja MBPG

2 TINDAKAN PELAKSANAAN

8

Rejuvenasi Rumah Pangsa

2 TINDAKAN PELAKSANAAN

05 TERAS

05 TERAS



16 INISIATIF STRATEGIK (DASAR / MANIFESTO)

- 9 Infrastruktur 7 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 10 Pelan Induk Pengurusan Penjaja 1 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 11 Pelan Induk Pelancongan Pasir Gudang 2 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 12 Smart Partnership MBPG & Jcorp 1 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 13 Smart Pole (Elemen Pintar) 3 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 14 Pengezonan (Zoning) 7 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 15 PGHigh Road Safe 3 TINDAKAN PELAKSANAAN
- 16 Pelan Induk masyarakat rendah karbon 7 TINDAKAN PELAKSANAAN

05 TERAS

06 TERAS

KESEJAHTERAAN SUMBER INSAN DAN LIBAT URUS YANG PADU

- Membangunkan kapasiti penduduk dengan penglibatan yang proaktif dari semua pihak yang berkepentingan
- Memastikan kualiti hidup masyarakat meningkat dengan pendekatan libat urus yang strategik semua pihak serta komitmen kerjasama yang tinggi dari setiap ahli dalam masyarakat



Sasaran Pelaksanaan
Inisiatif Strategik

5 INISIATIF STRATEGIK (DASAR / MANIFESTO)

1

Pusat Gelandangan (Care and Cure Camp 3C MBPG)

4 TINDAKAN PELAKSANAAN

2

Gerobok Prihatin Pasir Gudang

1 TINDAKAN PELAKSANAAN

3

Belia Aktif

3 TINDAKAN PELAKSANAAN

4

Tadbir Urus Kemudahan Komuniti

4 TINDAKAN PELAKSANAAN

5

Rakan Strategik (MoU)

7 TINDAKAN PELAKSANAAN

05 TERAS

07 TERAS

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG YANG KONSISTEN

- Membangunkan sistem penguatkuasaan yang berkesan dan meningkatkan pematuhan oleh semua pihak
- Mengurangkan masalah pelanggaran undang-undang dan peraturan bagi memastikan pentadbiran perbandaran berjalan seperti yang dirancangkan dan memberikan manfaat yang tinggi kepada semua pihak



Sasaran Pelaksanaan
Inisiatif Strategik

4 INISIATIF STRATEGIK (DASAR / MANIFESTO)

1

Ops Putih

5 TINDAKAN PELAKSANAAN

2

One 2 Jaga (Polis Bantuan)

1 TINDAKAN PELAKSANAAN

3

Warden Lalu Lintas

1 TINDAKAN PELAKSANAAN

4

Kaedah Pembayaran Kumpulan Wang Perkhidmatan Atau Improvement Service Fund (ISF)

1 TINDAKAN PELAKSANAAN

Catatan